

MAHATHIR - AIRTEL

1984

SUBANG, 24 APRIL (BERNAMA) -- SEMUA BANGUNAN DI NEGARA INI BUKAN SAHAJA HARUS INDAH TETAPI HENDAKLAH JUGA DIJAGA DENGAN SEMPURNA UNTUK MENGEKALKAN KEINDAHANNYA, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

PEROANA MENTERI BERKATA SEMUA TUAN PUNYA BANGUNAN SAMADA KERAJAAN ATAU SWASTA HENDAKLAH MENYEDIAKAN KOS PERUNTUKAN BAGI MENYELENGGARA BANGUNAN MASING-MASING.

"SAYA DAPATI DI NEGARA INI PADA MASA INI KEBANYAKAN BANGUNAN SANGGUP INDAH DAN SELESA TETAPI KITA TIDAK PANDAI MENJAGANYA," TAMBAH BELIAU SEMASA MERASMIKAN KOMPLEKS SUBANG INTERNATIONAL AIRTEL - BERHARGA \$46.6 JUTA YANG MENGANDUNGI HOTEL ANTARABANGSA, PEJABAT, KEDAI, BANK DAN TEMPAT MELETAK KERETA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA TIOAK GUNA MEMPUNYAI BANGUNAN YANG INDAH, JIKA TIOAK DISEDIAKAN PERUNTUKAN SECUKUPNYA UNTUK MENYELENGGARANYA DENGAN BAIK.

KATANYA, SEMUA PIHAK YANG HENDAK MENDIRIKAN BANGUNAN MESTI MEMPERHITUNGAN KOS PENYELENGGARAN, YANG MENINGKAT 10 PERATUS DARIPADA KOS PEMBINAAN ASAL DAN TIOAK CUMA MEMIKIRKAN KOS PEMBINA BANGUNAN SAHAJA. -- LAGI 1440/II

MAHATHIR - AIRTEL 2 KUALA LUMPUR

"PADA MASA INI BANGUNAN DAN RUMAH BARU TIDAK SAMA SELEPAS DIGUNAKAN TERDAPAT KECACATAN. KEMUDAHAN BILIK AIR KITA MEMALUKAN NEGARA, AIR PANCUT TIDAK BERJALAN, KOLAM AIR YANG DIBINA TIDAK ADA AIR DAN JIKA ADA KOLAM IKAN, IKAN PUN MATI."

"INI SEMUA MENUNJUKKAN KITA TIDAK PANDAI MENJAGANYA," TAMBAH BELIAU.

BELIAU BERHARAP KUMPULAN FINA YANG MENGURUSKAN KOMPLEKS AIRTEL ITU AKAN MENGGUNAKANNYA DENGAN SEMPURNA DAN MEMBERI TEKANAN BERAT KEPADA SOAL PENGURUSAN DENGAN PENGURUS DAN PEKERJA YANG DEDIKASI UNTUK MEMPATIKAN PERNLAGAAN DAN PERKHIDMATAN BERJALAN DENGAN LANCAR DAN MENGUNTUNGGAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR TIOAK MAHU SELEPAS BEBERAPA BULAN BERJALAN, TERDAPAT KELALAIAN DALAM PENGURUSAN TERMASUK DALAM SOAL KEWANGAN DAN PERKHIDMATAN YANG DIBERI.

"KITA JANGAN CUMA TAHU MEMIKIRKAN IDEA MACAM MANA HENDAK MENJADI JUTAMAN, KERANA DENGAN IDEA SAHAJA TIDAK MUNGKIN KITA BERJAYA DALAM PERNIAGAAN. IDEA TIDAK PENTING TETAPI YANG UTAMA IALAH PELAKSANAAN IDEA ITU DAN PENGURUSANNYA." -- LAGI 1503/II

MAHATHIR - AIRTEL 3 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERKATA KOMPLEKS AIRTEL YANG AKAN MENDAPAT PELANGGAN ANTARABANGSA HENDAKLAH MEMBERI LAYANAN YANG MEMUASKAN KERANA JIKA TIOAK IMEJ NEGARA AKAN TERCEMAR.

KATANYA, TINGKAH LAKU PARA PEKERJA JUGA HENDAKLAH DIJAGA KERANA PARA PELANCONG AKAN MENILAI DAN MEMBUAT UKURAN BAHAWA IA MENCERMINKAN TINGKAH LAKU SEMUA PENDUDUK MALAYSIA.

"JIKA MEREKA MENDAPAT LAYANAN BAIK, MEREKA AKAN DATANG BERKALI-KALI TETAPI JIKA LAYANAN ITU TIDAK MEMUASKAN, KESAN YANG MEREKA DAPAT TENTANG KITA TENTULAH BURUK DAN BUKAN SAHAJA KEPADA HOTEL INI TETAPI JUGA NEGARA."

SUBANG INTERNATIONAL AIRTEL YANG DIBUKA PADA 15 MAC LALU MEMPUNYAI 192 BILIK IAITU 108 BILIK BIASA DAN 44 BILIK ISTIMEWA.

SEJUMLAH 446 PETAK LETAK KERETA DISEDIAKAN UNTUK PARA PENGGUNA LAPANGAN TERBANG ITU DENGAN KOS 57.34 JUTA TERMASUK PROJEK PENGINDAHANNYA. -- L A G S 1530/AJ

ZCZC 8370

MAHATHIR-AIRTEL 4 KUACA LUMPUR

DI SAMPING ITU, TERDAPAT 22 RUANG KEDAI DALAM KOMPLEKS SELUAS 116,000 KAKI PERSEGI YANG MERUPAKAN BUAH FIKIRAN PEROANA MENTERI. Pengerusi FIMA, OATUK HAJI BASIR ISMAIL BERKATA KOMPLEKS ITU MULA DIBINA OKTOBER 1982 ATAS KAWASAN SELUAS 13 EKAR DAN SIAP MENGIKUT JADUAL AKHIR TAHUN LALU.

IA DIBINA UNTUK MENAMPUNG PENUMPANG UDARA YANG DIJANGKA MENINGKAT DARIPADA 2.6 JUTA PADA TAHUN 1900 KEPADA 116 JUTA MENJELANG TAHUN 2000.--BERNAMA 1532/AJ